




MADRASAH IDRISIAH PENCETUS ULAMA DAN UMARA



Oleh Nurzuliana Kamaruzaman



Madrasah Idrisiah.

UMPAMA sebutir permata, Madrasah Idrisiah merupakan sebuah institusi agama pertama di Perak Darul Ridzuan yang menggunakan sistem persekolahan dengan mengekalkan ciri sekolah pondok. Dibangunkan pada zaman pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Iskandar Shah pada tahun 1922, madrasah ini mendapat nama daripada pengasas dan pewakaf aset yang paling

bernilai, iaitu Almarhum Sultan Idris Murshidul'adzam Shah (Sultan Idris I). Kecintaan terhadap ilmu dalam kalangan kerabat diraja Perak memesatkan lagi pertumbuhan institusi pendidikan negeri.

Pada awal usaha penubuhan Madrasah Idrisiah oleh Almarhum Sultan Idris I, madrasah itu dibina di atas tapak tanah yang diwakafkan oleh Permaisuri Utih Mariah. Tujuan asal penubuhan madrasah ini adalah untuk memberikan

pendidikan kepada anak yatim wanita sahaja. Namun begitu, Almarhum Sultan Idris I merancang untuk membina Madrasah Idrisiah apabila keperluan untuk pelajar lelaki meningkat. Berikutan hal itu, baginda mewakafkan tanah seluas tiga ekar dan mengarahkan pembinaan madrasah ini di samping mewakafkan sebahagian daripada hartanya, iaitu 23 buah rumah kedai di Pekan Kuala Kangsar untuk Madrasah Idrisiah, Masjid



Madrasah Idrisiah pada tahun 1972.




Bangunan Induk Madrasah Idrisiah pada tahun 1921.



Para pelajar Madrasah Idrisiah pada tahun 1922.

1342 Hijriah. Menjadi sekolah agama pertama yang dibina di negeri Perak, madrasah ini mengambil 23 orang pelajar pertamanya dalam kalangan anak yatim yang mendapat tajaan daripada Wakaf Almarhum Sultan Idris Mursidul Azam Shah.

Bagi melicinkan pentadbiran madrasah ini, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Iskandar Shah menubuhkan Ahli Jawatankuasa



Ahli Jawatankuasa Tadbir Madrasah Idrisiah 1971/1972.

begitu, atas titah baginda, Tun Haji Nawawi dilantik untuk menyelia pembangunan asas madrasah Idrisiah. Berikutan hal itu, Tuan Haji Muhamad Salleh dilantik oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Iskandar Shah untuk menjadi mudir yang pertama bagi madrasah ini dan memegang tampuk pimpinan selama enam tahun, iaitu dari tahun 1922 hingga tahun 1928.

Pada tahun 1928, Syeikh Abdullah Maghribi mengambil alih tugas sebagai mudir kedua madrasah. Semasa di bawah pentadbirannya pada tahun 1932, murid sulung Madrasah Idrisiah dikeluarkan setelah mendapat pendidikan selama enam tahun di bawah seliaan Haji Muhammad Salleh dan dua tahun oleh Syeikh Abdullah Maghribi. Ternyata hasil pendidikan yang diterima oleh para pelajar ini

Ridhwaniyah dan Makam Diraja Al Ghafran di Bukit Chandan.

Hasrat mulia Almarhum Sultan Idris I untuk melihat pembangunan madrasah hasil perancangannya itu tidak kesampaian apabila kembali ke rahmatullah pada tahun 1918. Namun begitu, usaha mulia baginda diteruskan oleh anakandanya, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Iskandar Shah. Akhirnya, pada bulan Ogos 1921, Madrasah Idrisiah siap dibina dan memulakan sesi pengajian pada bulan April 1922, bersamaan

Tadbir Madrasah Idrisiah. Selain itu, baginda juga merancang penubuhan Institusi Pengajian Tinggi yang dinamakan "Baitul Anuar" untuk para pelajar madrasah melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Baitul Anuar juga dikenali sebagai Kuliah Iskandar pada tahun 1940, dengan melantik Sheikh Hassan Yamani dari Mekah sebagai tenaga pengajar.

Pada awal penubuhan madrasah ini, Tuan Haji Nawawi dilantik menjadi mudir madrasah. Namun

telah melahirkan para pelajar yang berakhlak dan tokoh pentadbir negeri yang ulung.

Pada tahun 1932, Syeikh Abdullah Maghribi terpaksa pulang ke Mekah dan Tuan Guru Syeikh Abdullah Fahim menjadi mudir ketiga madrasah yang menggantikannya. Tuan Guru Syeikh Abdullah Fahim, seorang tokoh ilmuwan dalam bidang falak. YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj juga meminta nasihatnya sebelum berangkat ke London bagi menuntut

Para pelajar Madrasah Idrisiah pada tahun 1950.



Para pelajar Madrasah Idrisiah pada tahun 1955.



Ustaz Nawawi (berdiri di kanan) bersama-sama pelajaranya di kelas.



D.P.M.P. Ketika di bawah pentadbirannya, Madrasah Idrisiah mengalami kejatuhan dan hampir ditutup. Namun begitu, atas usaha keras Dato Haji Abu Al Hassan Abd. Majid, Madrasah Idrisiah dapat diselamatkan.


Pada tahun 1983, Tuan Haji Nawawi Hassan pula dilantik sebagai mudir madrasah, menggantikan

Dato Haji Abu Al Hassan Abd. Majid. Namun begitu, beliau hanya sempat memegang jawatan mudir selama dua tahun kerana telah kembali ke rahmatullah pada tahun 1985. Walau bagaimanapun, beliau banyak membuat perubahan dan perkembangan ke atas madrasah seperti memperkenalkan mata pelajaran akademik, menerima pelajar wanita, serta pertukaran cuti daripada Jumaat kepada Ahad sebagai cuti awam Madrasah. Selepas pemergiannya, jawatan mudir diganti oleh Ustaz Musa Zakaria.

Ustaz Musa Zakaria dilantik pada 1 Jun 1985 oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibbuddin Shah. Ustaz Musa merupakan mantan pelajar Madrasah Idrisiah serta mantan Penyelia Penerangan dan Dakwah Jabatan Agama Islam Perak. Beliau juga pemegang biasiswa Almarhum Sultan Iskandar Shah. Di bawah pimpinan Ustaz Musa, Madrasah Idrisiah kembali gemilang dan mula mendapat sokongan masyarakat. Di bawah pentadbirannya juga, Duli Yang Maha Mulia Sultan Azlan Muhibbuddin

Shah mengarahkan penyusunan semula Madrasah Idrisiah. Atas titah baginda, pihak Chandan Development bermurah hati memperbaiki bangunan Madrasah Idrisiah dengan kos perbelanjaan sebanyak RM100 ribu di bawah penyeliaan Ustaz Musa.

Kejayaan Madrasah Idrisiah dalam melahirkan para ilmuwan dan ahli agama membuktikan peranan para umara dan pemimpin negara dalam proses perkembangan ilmu Islam kepada masyarakat Islam setempat. Pada tahun 1985, baginda juga berkenan agar Madrasah Idrisiah didaftarkan di bawah pentadbiran Majlis Agama Islam Perak mengikut Seksyen 33 Jadual Pertama Fasal 10 Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perak 11/65 yang melayakkan madrasah ini untuk menerima 11 orang guru dari Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kini, sebagai sebuah institusi madrasah tertua di Perak, Madrasah Idrisiah merupakan sebuah sekolah agama moden yang diwujudkan sejak tahun 1922. Peranan madrasah ini dalam melahirkan para ulama dan umara pada masa depan menjadi tujuan utama kepada pembangunannya. Kejayaannya pada masa lampau diukur daripada bilangan ulama dan umara yang dilahirkan. Ternyata usaha membangunkan Madrasah Idrisiah ini tidak sia-sia apabila madrasah ini terus melahirkan tokoh agamawan seperti mufti negara, mufti negeri, menteri kabinet, ahli parlimen, ketua pentadbir, pegawai tadbir agama, pensyarah, mudir sekolah, ustaz dan ustazah. 

kemerdekaan. Atas nasihatnya, tarikh kemerdekaan Tanah Melayu dicadangkan pada 31 Ogos 1957. Tuan Guru Syeikh Abdullah Fahim juga merupakan datuk kepada Tun Dato' Seri Haji Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri kelima Malaysia. Di Madrasah Idrisiah, beliau menjadi mudir selama 16 tahun dan banyak melahirkan tokoh ulama tempatan yang hebat.

Pada tahun 1948, Sheikh Haji Zubir dilantik menjadi mudir keempat Madrasah Idrisiah. Atas ketegasan dan kesungguhannya mendidik para pelajarannya, beliau sering menghukum para pelajar yang tidak menunaikan solat mahupun yang tidak menunaikan solat berjemaah di masjid. Disebabkan oleh hukuman tersebut, beliau dipanggil oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Yussuff Izzuddin Shah ke istana dan gajinya ditambah sebanyak RM50 sebulan.

Pada tahun 1976, Dato Haji Abu Al Hassan Abd. Majid menggantikan Tuan Sheikh Haji Zubir sebagai mudir di Madrasah Idrisiah. Beliau merupakan bekas Mufti Perak